

Bab 3 - Pembangunan Algoritma (3.1.1, 3.1.2, 3.1.3, 3.1.4)

Jawab soalan diberi dengan menulis jawapan pada ruangan yang disediakan

1. Antara berikut, manakah pernyataan yang menerangkan tentang algoritma? *

- A. Proses mengenal pasti aspek penting dalam suatu masalah
- B. Urutan tindakan untuk menyelesaikan sesuatu masalah
- C. Suatu set aturan untuk membina laman sesawang
- D. Langkah yang ditulis dalam bentuk ringkas

JAWAPAN

2. Antara berikut, manakah yang menerangkan tentang perkara penting semasa menulis algoritma?

- A. Langkah-Langkah algoritma ditulis dalam bahasa tertentu
- B. Setiap langkah ditulis menggunakan simbol
- C. Urutan langkah perlu dinyatakan dengan betul
- D. Output tidak perlu dinyatakan

JAWAPAN

3. Rajah berikut menunjukkan suatu langkah algoritma. Apakah jenis algoritma yang ditunjukkan?

```
JIKA pendaftaran berjaya,  
    PAPARKAN "Tahniah, pendaftaran anda diterima"  
JIKA TIDAK  
    PAPARKAN "Maaf, sila cuba lagi"  
TAMAT JIKA
```

- A. Carta alir
- B. Pseudokod
- C. Gambar rajah
- D. Kod arahan

JAWAPAN

4. _____ menggunakan simbol grafik seperti garis lurus, anak panah dan bentuk geometri untuk mewakili urutan langkah bagi algoritma yang perlu dilaksanakan.

- A. Carta alir
- B. Pseudokod
- C. Kod arahan
- D. Bahasa pengaturcaraan

JAWAPAN

5. Rajah berikut menunjukkan algoritma bagi suatu struktur kawalan. Apakah jenis struktur kawalan yang dimaksudkan?

```
:  
JIKA plag tidak dipalam ke dalam soket  
    PALAMKAN plag ke dalam soket  
TAMAT JIKA
```

- A. Struktur kawalan pelbagai pilihan
- B. Struktur kawalan dwipilihan
- C. Struktur kawalan pilihan tunggal
- D. Struktur kawalan ulangan

JAWAPAN

6. Maklumat berikut menerangkan tentang suatu struktur kawalan pilihan. Apakah jenis struktur kawalan pilihan yang dinayatakan

Mengandungi lebih daripada dua set tindakan yang berlainan sebagai pilihan untuk dilaksanakan.

- A. Struktur kawalan dwipilihan
- B. Struktur kawalan pilihan tunggal
- C. Struktur kawalan ulangan
- D. Struktur kawalan pelbagai pilihan

JAWAPAN

7. Apakah struktur kawalan yang sesuai bagi data yang mempunyai langkah-langkah yang perlu dilaksanakan lebih daripada sekali?

- A. Struktur kawalan pilihan tunggal
- B. Struktur kawalan dwipilihan
- C. Struktur kawalan pelbagai pilihan
- D. Struktur kawalan ulangan

JAWAPAN

8. Apakah struktur kawalan yang sesuai bagi atur cara yang mempunyai lebih dua set tindakan berlainan sebagai pilihan untuk dilaksanakan?

- A. Struktur kawalan dwipilihan
- B. Struktur kawalan pelbagai pilihan
- C. Struktur kawalan SELAGI
- D. Struktur kawalan UNTUK

JAWAPAN

9. Terdapat 3 jenis struktur kawalan ulangan yang sering digunakan iaitu _____

- I. UNTUK (FOR)
- II. JIKA (IF)
- III. SELAGI (WHILE)
- IV. ULANG-SEHINGGA (REPEAT-UNTIL)

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

JAWAPAN

10. Melaksanakan satu langkah berdasarkan pembilangan yang telah ditetapkan". Pernyataan berikut menerangkan berkenaan dengan struktur kawalan ulangan _____

- A. WHILE
- B. REPEAT-UNTIL
- C. FOR
- D. IF

JAWAPAN

11. Berikut menunjukkan satu contoh carta alir. Nyatakan jenis struktur kawalan ulangan yang digunakan?



- A. UNTUK
- B. SELAGI
- C. JIKA
- D. ULANG-SEHINGGA

JAWAPAN

12. Pernyataan yang diberikan menerangkan berkenaan dengan struktur kawalan ulangan

- ✓ Melaksanakan satu langkah atau satu set langkah secara berulang-ulang sehingga syarat yang diuji adalah BENAR.
- ✓ Syarat ini diuji setiap kali selepas langkah-langkah dalam gelung dilaksanakan.

- A. FOR
- B. REPEAT-UNTIL
- C. IF
- D. WHILE

JAWAPAN

13. Apakah teknik pengesanan ralat yang dilakukan secara manual? *

- A. Teknik semakan meja
- B. Teknik langkah demi langkah
- C. Teknik semakan ralat sintaks
- D. Teknik semakan ralat logic

JAWAPAN

14. Apakah teknik pengesanan ralat yang digunakan berdasarkan rajah yang diberi?

- ✓ Memeriksa logik algoritma secara langkah demi langkah mengikut urutan dalam algoritma.
- ✓ Sampel tidak digunakan seperti teknik semakan meja.

- A. Teknik semakan meja
- B. Teknik semakan sintaks
- C. Teknik semakan logic
- D. Teknik langkah demi langkah

JAWAPAN

15. Berikut adalah antara langkah-langkah yang akan digunakan bagi menghasilkan pseudokod dan carta alir bagi suatu algortma.

- I. Melaksanakan penyelesaian
- II. Mengenal pasti masalah
- III. Menentukan output yang diinginkan.
- IV. Menentukan proses atau tugas yang perlu dilaksanakan.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

JAWAPAN